



AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

BORANG PERMOHONAN

PERMOHONAN BAHARU LESEN PERNIAGAAN PENGANTARAAN / PERMIT KENDERAAN *E-HAILING*

MAKLUMAN

1. Bayaran Fi Pemprosesan adalah RM10.00 bagi setiap Permit Kenderaan *E-Hailing*.
2. Bayaran Fi Pemprosesan bagi syarikat yang ingin menjalankan Perniagaan Pengantaraan menggunakan Teksi, Kereta Sewa dan Teksi Mewah adalah RM10.00 bagi setiap permohonan.
3. Individu yang dibenarkan untuk menandatangani borang hendaklah salah seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah / Pengurusan Syarikat (bagi Sdn Bhd / Bhd) atau salah seorang daripada Ahli Lembaga Koperasi (bagi Koperasi).
4. Pemohon perlu memastikan bahawa borang permohonan lengkap diisi dan disertakan dengan dokumen lampiran yang berkaitan seperti di senarai semak pada muka surat 2.
5. Emel rasmi adalah bagi tujuan penyampaian dokumen menurut seksyen 245 Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.
6. APAD berhak meminta apa-apa dokumen tambahan sekiranya diperlukan.
7. Mana-mana permohonan yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan tidak akan diterima.
8. Borang yang dilengkapkan hendaklah dihantar secara serahan tangan ke Pejabat Cawangan Operasi APAD yang berhampiran.
9. APAD berhak untuk meluluskan atau menolak permohonan berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan. Sila layari laman sesawang APAD di www.apad.gov.my untuk maklumat lanjut mengenai dasar/ kriteria kelulusan.
10. Maklumat peribadi pemohon tertakluk kepada Akta Pelindungan Data Peribadi 2010. Sila layari laman sesawang APAD di www.apad.gov.my untuk maklumat lanjut.
11. Untuk mendapatkan Panduan Dasar Pelesenan sila layari laman sesawang APAD di www.apad.gov.my.
12. Notifikasi keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS).

SENARAI SEMAK

SEMAKAN PEMOHON	SEMAKAN PEGAWAI
(sila tanda /)	(sila tanda /)

FI PEMROSESAN1. Wang tunai / bank draf atas nama **AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**.DOKUMEN UNTUK SEMUA JENIS PERMOHONAN

1. Salinan Profil Pemohon

- i. Cetakan Maklumat Korporat dan Maklumat Kewangan Teraudit dari Perkhidmatan e-info / MyData Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mestilah tidak melebihi 90 hari dari tarikh permohonan; atau
- ii. Sijil Pendaftaran Koperasi berserta Laporan Mesyuarat Agung Tahunan Terkini.

2. Salinan Kad Pengenalan individu yang menandatangani borang permohonan.

3. Surat Pelantikan Wakil

(jika borang permohonan diserahkan oleh selain daripada penandatanganan borang)

- i. Surat pelantikan wakil mestilah tidak melebihi 30 hari dari tarikh permohonan (menggunakan kepala surat rasmi pemohon) yang ditandatangani oleh penandatanganan borang permohonan); dan
- ii. Salinan Kad Pengenalan wakil.

4. Laporan Pendapatan

- i. Salinan Laporan Teraudit Tahunan yang terkini (hanya untuk Koperasi atau syarikat Sdn Bhd / Bhd—yang mendapat Sijil Pengecualian Persendirian dari SSM).

[UNTUK KEGUNAAN PEJABAT]BORANG PERMOHONAN : LENGKAP TIDAK LENGKAPBILANGAN DOKUMEN : LENGKAP TIDAK LENGKAPSTATUS KES KUATKUASA SPAD : BEKU BEBAS

TANDATANGAN : _____

NAMA : _____

TARIKH :

BAHAGIAN / UNIT : _____

PENGAKUAN PEMOHON

Saya / Kami mengaku bahawa:

1. Segala maklumat yang diberikan di dalam borang ini termasuk dokumen lampiran adalah BENAR dan TERKINI;
2. Telah melantik wakil seperti di surat wakil bagi maksud menjalankan mana-mana hak untuk berurusan dengan APAD dan akan bertanggungjawab terhadap setiap dokumentasi atau transaksi yang dilakukan oleh wakil tersebut; dan
3. Pemilikan Lesen Perniagaan Pengantaraan yang dipohon tidak akan bertentangan dengan mana-mana undang-undang, peraturan, dasar atau kontrak yang terpakai kepada saya.

Saya / Kami juga memahami bahawa permohonan ini akan ditolak sekiranya:

1. Gagal melengkapkan borang permohonan ini dan/atau melampirkan dokumen yang diperlukan; atau
2. Maklumat yang diisytiharkan di dalam borang ini dan/atau dokumen yang dilampirkan adalah palsu; atau
3. Mempunyai saman S.P.A.D. / APAD / Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) / Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang masih belum diselesaikan; atau
4. Tidak mematuhi apa-apa kehendak lain yang ditetapkan oleh Agensi, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 atau mana-mana undang-undang yang berkaitan.

PERINGATAN

1. Di bawah Seksyen 204(1) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010, pemohon yang didapati melakukan kesalahan memalsukan pernyataan atau mengemukakan butiran palsu boleh dikenakan denda tidak kurang RM1,000.00 dan tidak melebihi RM10,000.00 atau dipenjarakan tidak melebihi satu (1) tahun atau kedua-duanya sekali.
2. Pemohon diwajibkan membaca, memahami dan mematuhi dasar dan syarat yang telah ditetapkan oleh APAD yang boleh diperolehi dari laman sesawang APAD <http://www.apad.gov.my> atau melalui pejabat APAD yang berhampiran.

Tarikh :

Tandatangan : _____
[individu yang dibenarkan adalah seperti yang dinyatakan dalam Para 3 (Makluman)]

Nama : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Jawatan : _____

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT (PROSES)**KEPUTUSAN**

LULUS

TOLAK

TANDATANGAN : _____

NAMA : _____

TARIKH :